

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI [SIBUTI]**

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa jumlah Base Transceiver Station yang beroperasi di kawasan Parlimen Sibuti yang terletak di daerah Miri (meliputi kawasan Lambir, Airport, Taman Tunku, Tunku, Sg. Rait, Bakam dan Beraya) dan seluruh kawasan daerah Subis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, sebanyak 371 *Base Transceiver Station* (BTS) sedang beroperasi di daerah Miri termasuklah di kawasan Parlimen Sibuti meliputi kawasan Lambir, Airport, Taman Tunku, Tunku, Sg. Rait, Bakam dan Beraya) dan seluruh kawasan daerah Subis. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 124 *Base Transceiver Station* (BTS) adalah di Parlimen Sibuti.
2. Selanjutnya, sesi perancangan akan diadakan bersama pihak industri untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara. Bagi memastikan semua kawasan yang berpenduduk mendapat liputan yang mencukupi.